

Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (ICOMSA) 2018

NST 24.2.2018 6

KOTA KINABALU: Institut Penye-
lidian Marin Borneo, Universiti
Malaysia Sabah akan menganjurkan
Persidangan Antarabangsa Sains Marin
& Akuakultur (ICOMSA) dengan tema

**yang sangat penting iaitu Ocean Gov-
ernance- Issues, Priorities & Strategies**
pada 14-16 Mac 2018.

Tema seumpama ini adalah pertama
kali diketengahkan di negara ini dan
dijangka akan menarik ramai penyertaan
di kalangan ahli-ahli profesional
dan pihak berkepentingan dari dalam
dan luar negara.

Pihak pengajur memilih tema ini
untuk **dibahaskan pada persidangan**
ICOMSA tahun ini bagi menggalakkan
interaksi di kalangan peserta pelbagai
disiplin sains, sains sosial, ekonomi, zon
pesisir dan pengurusan alam sekitar
marin, pelancongan marin, navigasi dan
maritim dan lain-lain ke arah mem-

perkasakan usaha melindungi dan men-
gurus sumber laut selaras dengan mat-
lamat Pembangunan Mapan Pertubuhan
Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang di-
tandatangani oleh Malaysia.

Persidangan ini mengalu-alukan
penyertaan dari semua pihak berke-
pentingan khususnya institusi pen-
didikan, industri, organisasi bukan ker-
ajaan (NGO) dan individu-individu
yang berkomitmen untuk menyumbang
kepada pengurusan persekitaran pantai
dan marin.

Kertas-kertas kerja yang diben-
tangkan akan tertumpu kepada pen-
erangan mengenai isu-isu semasa dan
pendekatan penyelesaian masalah
berhubung tadbir urus lautan.

Mereka yang berminat boleh mela-
yari laman sesawang persidangan di
<http://www.ums.edu.my/ipmbv2/icomsa/> atau menghubungi urus setia per-
sidangan di talian +60-88-320000 ext.
2596.